

Dua syarikat dikompaun

SEREMBAN – Dua syarikat dalam sektor industri kilang dan perladangan dikenakan kompaun oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri selepas dipercayai melakukan pembakaran terbuka.

Pengarahnya, Ruslan Mohamad berkata, kedua-dua syarikat itu dikenakan penalti dan kompaun sebanyak RM2,000 sebelum kes dipanjangkan untuk pendakwaan di mahkamah.

“Kita bertindak tegas terhadap mana-mana kilang industri atau syarikat yang melakukan pembakaran terbuka.

“Dalam keadaan udara berjerebu ini, mereka telah memburukkan lagi keadaan dengan membuat pembakaran terbuka. Jadi, kita terpaksa mengambil tindakan mengenakan kompaun,” katanya semalam.

Menurutnya, Indeks Pencemaran Udara (IPU) di tiga daerah di negeri ini mencatatkan kemerosotan apabila bacaan melebihi 150 iaitu tidak sihat.

Katanya, setakat jam 5 petang, Nilai menunjukkan bacaan tertinggi iaitu 179 diikuti Port Dickson (174) dan



Keadaan jerebu di sekitar Seremban.

Seremban (170).

“Kita mengharapkan kehadiran hujan dapat mengurangkan bacaan tetapi ia bergantung kepada angin yang membawa jerebu.

“Bagaimanapun, kita akan terus mengawasi dengan rapi status kualiti udara di negeri ini,” katanya.

Sementara itu, Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) mempertimbangkan untuk menangguhkan sesi pengkuliahannya sekiranya bacaan IPU mencecah 200.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Datuk Dr Hassan Basri Awang Mat Dahlan, berkata, pihak univer-

siti sentiasa memastikan aspek kesihatan pelajar dan warga kampus menjadi keutamaan ketika musim jerebu ini.

“Kita telah menasihatkan pelajar untuk mengelakkan aktiviti outdoor seperti bersukan dan riadah buat masa ini bagi mengelakkan pendedahan berterusan kepada jerebu.

“Pusat Kesihatan Universiti akan mengedarkan penutup muka sebanyak 5,000 unit pada esok (hari ini) di kawasan tumpuan pelajar dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar. Ini edaran kedua kita lakukan, pada minggu lepas sebanyak 1,000 unit penutup muka diedarkan,” katanya.